



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

EDISI
2026

GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN PEPERIKSAAN
AKHIR SECARA DALAM TALIAN



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
(UMPSA)

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PEPERIKSAAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
Edisi 2020
Edisi Penambahbaikan 2026**

Nota: Perubahan Garis Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Edisi Penambahbaikan 2026 telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat Ke-240 Bil. 1/2026 berkuatkuasa bagi Semester I Sesi Akademik 2025/2026. Justeru, Garis Panduan Edisi 2020 adalah terbatal. Garis Panduan ini juga perlu dibaca bersekali dengan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dan berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa jua bentuk sekalipun sama ada elektronik, fotostat, rakaman, visual atau cara lain pada mana-mana bahagian artikel/ilustrasi isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

1. PENDAHULUAN

Pelaksanaan peperiksaan akhir secara dalam talian telah menjadi norma moden dalam pendidikan tinggi Malaysia selepas pandemik COVID-19 bagi memastikan kesinambungan proses penilaian, meningkatkan kecekapan dan aksesibiliti tanpa mengorbankan integriti akademik. Garis panduan ini selaras dengan Dasar Pendidikan Tinggi Negara, Piawai Kualiti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah Kod Amalan Pengajaran dan Pembelajaran (COPPA) dan badan professional yang diiktiraf yang menekankan ketelusan, keadilan dan keselamatan data bagi memastikan pencapaian pembelajaran pelajar dinilai secara adil dan telus.

Mesyuarat Senat Ke-240 Bil. 1/2026 telah bersetuju bahawa garis panduan ini berkuatkuasa bermula peperiksaan akhir Semester I Sesi Akademik 2025/2026 mengikut kesesuaian sesuatu kursus tersebut. Peperiksaan akhir secara dalam talian akan diadakan mengikut jadual peperiksaan yang ditetapkan oleh Pusat Peperiksaan dan Pengijazahan, Perkhidmatan Akademik berdasarkan kalendar akademik UMPSA.

2. OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini adalah untuk:

- 2.1 memastikan peperiksaan akhir secara dalam talian dapat diuruskan dengan lebih teratur dan lancar.
- 2.2 memberikan panduan kepada pensyarah kursus dalam mengendalikan peperiksaan akhir secara dalam talian.
- 2.3 menerapkan budaya integriti bagi peperiksaan akhir secara dalam talian dalam kalangan pelajar.

3. FASA SEBELUM PEPERIKSAAN AKHIR

3.1 Platform Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian

- 3.1.1 Pensyarah perlu menggunakan platform rasmi LMS dalam talian UMPSA iaitu KALAM (Program Konvensional) atau KALAMODL (Program ODL).
- 3.1.2 Peperiksaan akhir secara dalam talian hendaklah dijalankan secara segerak (*synchronous*) dan *real time*, penggunaan aplikasi seperti *Zoom*, *Webex*, *Google Meet*, *Skype* hendaklah digunakan bagi pemantauan secara langsung perjalanan peperiksaan akhir.
- 3.1.3 Pensyarah digalakkan untuk membuat sesi percubaan bersama pelajar menggunakan platform yang dipilih sebelum tarikh atau masa

peperiksaan akhir kursus berkenaan bagi menguji keberkesanan dan membiasakan diri dengan sistem yang ingin digunakan.

3.2 Soalan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian

- 3.2.1 Dekan Fakulti/Pusat bertanggungjawab untuk menentukan kursus yang akan dijalankan peperiksaan akhir secara dalam talian atau melalui permohonan terus daripada Penyelaras Kursus.
- 3.2.2 Soalan peperiksaan akhir perlu disediakan dalam SATU (1) set yang berbeza dan melalui proses semakan (*vetting*) di peringkat Fakulti/Pusat berdasarkan prosedur sedia ada.
- 3.2.3 Soalan-soalan boleh disusun secara rawak dan setiap pelajar akan mendapat set soalan yang berbeza.
- 3.2.4 Antara bentuk soalan yang boleh dibina adalah seperti berikut:
 - (a) objektif
 - (b) subjektif pendek
 - (c) esei
 - (d) pengiraan
- 3.2.5 Bagi mengelakkan berlaku kecurangan akademik semasa peperiksaan akhir dijalankan, para pensyarah digalakkan untuk membina soalan yang berbentuk peperiksaan buka buku (*open-book examination*), senario, kajian kes, kajian aplikasi dan lain-lain yang bersesuaian yang dapat menguji tahap kemahiran berfikir aras tinggi setiap pelajar.
- 3.2.6 Setiap pensyarah kursus hendaklah menggunakan Borang Akujanji Integriti Pelajar (Rujuk **LAMPIRAN 1**) yang menyatakan bahawa jawapan yang dikemukakan adalah hasil kerja sendiri dan bukannya hasil plagiat daripada rakan atau sebarang sumber lain.

3.3 Proses Semakan Format Soalan Peperiksaan Akhir

Proses semakan format soalan peperiksaan akhir akan dijalankan oleh Pusat Peperiksaan dan Pengijazahan, Perkhidmatan Akademik sebelum salinan lembut kursus berkenaan dimuatnaik di platform KALAM.

3.4 Cetakan Soalan Peperiksaan Akhir

Cetakan soalan peperiksaan akhir bagi peperiksaan secara dalam talian adalah tidak diperlukan.

3.5 Pengurusan Jadual Peperiksaan Akhir

- 3.5.1 Jadual peperiksaan akhir secara dalam talian akan diselaraskan oleh Pusat Peperiksaan dan Pengijazahan, Perkhidmatan Akademik berdasarkan jadual peperiksaan akhir yang telah ditetapkan mengikut kalendar akademik UMPSA atau ketetapan yang diputuskan di peringkat Universiti.
- 3.5.2 Pihak Fakulti/Pusat perlu menyalurkan maklumat senarai kursus yang terlibat dengan peperiksaan akhir secara dalam talian dan menetapkan tarikh yang bersesuaian berserta maklumat berkaitan masa dan tempoh peperiksaan, bilangan pelajar dan bentuk platform yang ditetapkan.
- 3.5.3 Peperiksaan akhir secara dalam talian boleh dijalankan dalam dua (2) sesi peperiksaan (Rujuk Bahagian IV Perkara (3) Buku Peraturan Peperiksaan Akhir Edisi 2025). Tempoh masa peperiksaan tambahan bagi penghantaran atau proses memuatnaik skrip jawapan ialah 15 minit.

Jadual 1: Sesi Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian

Sesi	Hari	Waktu Mula
Sesi 1 (Pagi)	Isnin – Jumaat	9.00 pagi
Sesi 2 (Petang)	Isnin – Khamis	2.15 petang
	Jumaat	2.45 petang

- 3.5.4 Jika terdapat pertindihan jadual peperiksaan akhir pelajar, Pusat Peperiksaan dan Pengijazahan, Perkhidmatan Akademik berhak mengubah tarikh dan masa tersebut.

3.6 Pengurusan Jadual Pengawas Peperiksaan Akhir

- 3.6.1 Tiada lantikan Pengawas Peperiksaan bagi peperiksaan akhir secara dalam talian. Walau bagaimanapun, penyelaras atau pensyarah kursus bertanggungjawab dalam memantau perjalanan peperiksaan akhir bagi kursus masing-masing.
- 3.6.2 Setiap pensyarah kursus hendaklah bersedia sepanjang tempoh peperiksaan yang dijadualkan berlangsung. Segala persoalan berkaitan soalan peperiksaan akhir adalah secara terus kepada pensyarah kursus yang berkaitan.

3.7 Tempoh Peperiksaan

Peruntukan masa yang sesuai perlu diberikan kepada pelajar untuk menjawab soalan, memuat turun dokumen, mengimbas, memuat naik dokumen dan lain-lain. Cadangan peruntukan masa adalah seperti berikut:

- (I) Tempoh pengisian maklumat dan pengakuan yang berkaitan: 15 minit (sebelum masa peperiksaan bermula)
- (II) Tempoh menjawab soalan: bergantung kepada bentuk soalan kursus yang berkenaan
- (III) Tempoh penghantaran jawapan: 15 minit (setelah masa peperiksaan tamat)

3.8 Pelajar yang Dihalang Menduduki Peperiksaan Akhir

Rujuk Bahagian VII Perkara (2) Buku Peraturan Peperiksaan Akhir Edisi 2025

3.9 Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian

3.9.1 Pelaksanaan I

Pelajar di semester akhir pengajian, atau sebelum menjalani Latihan Industri atau WBL (*Work-based Learning*) atas faktor kesihatan dengan pengesahan dan sokongan daripada pegawai perubatan Universiti atau hospital kerajaan).

3.9.2 Pelaksanaan II

Kes wabak seperti COVID-19 atau situasi pandemik lain, mengikut arahan kementerian yang berkaitan, atau keadaan darurat yang berpanjangan seperti banjir atau bencana alam lain.

3.9.3 Pelaksanaan III

Pelajar yang mengikuti program mobiliti secara teradun iaitu dengan gabungan kaedah fizikal dan maya.

4. FASA SEMASA PEPERIKSAAN AKHIR

4.1 Peranan Pensyarah Kursus

4.1.1 Memuatnaik salinan lembut soalan peperiksaan di pelantar KALAM dan bersedia secara dalam talian sekurang-kurangnya 30 minit sebelum peperiksaan akhir bermula.

4.1.2 Memastikan pelajar mengisi Borang Akujanji Integriti Pelajar terlebih dahulu sebelum peperiksaan akhir bermula. Borang tersebut akan diambil kira sebagai bukti kehadiran pelajar yang menduduki peperiksaan akhir secara dalam talian.

- 4.1.3 Memantau perjalanan peperiksaan akhir secara dalam talian dan sentiasa bersedia dihubungi pelajar sepanjang peperiksaan akhir secara dalam talian berlangsung.
- 4.1.4 Sekiranya terdapat pelajar yang tidak hadir, pensyarah boleh menghubungi pelajar berkenaan untuk memastikan masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar berkenaan.
- 4.1.5 Memastikan semua pelajar telah memuat naik jawapan dalam masa yang ditetapkan. Pensyarah perlu menghubungi pelajar yang terlibat sekiranya jawapan tidak diterima dalam tempoh yang ditetapkan.

4.2 Jangkaan Kemungkinan

- 4.2.1 Sekiranya terdapat masalah berkenaan capaian internet, akses dan gangguan elektrik:
 - (I) Pelajar hendaklah memaklumkan kepada pensyarah dengan kadar segera.
 - (II) Sekiranya, masalah capaian/akses dapat diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) minit atau kurang daripada tempoh peperiksaan akhir, pelajar dibenarkan untuk meneruskan peperiksaan akhir tersebut dengan masa tambahan diberikan selama tempoh gangguan yang berlaku.
 - (III) Sekiranya masalah tersebut tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tiga (30) minit atau lebih setelah peperiksaan akhir bermula, pelajar perlu memaklumkan kepada pensyarah kursus dan membuat permohonan peperiksaan khas kepada Dekan Fakulti/Pusat.
- 4.2.2 Pelajar yang lewat hadir tidak dibenarkan menduduki peperiksaan bagi mengelakkan kebocoran soalan. Namun atas budi bicara atau alasan yang kukuh, pensyarah kursus boleh membenarkan pelajar menduduki peperiksaan dan tamat pada waktu yang sama dengan pelajar lain.

4.3 Kaedah Penghantaran Jawapan

- 4.3.1 Para pelajar perlu menggunakan platform dalam talian yang digunakan semasa peperiksaan akhir untuk memuat naik jawapan berserta format yang dibenarkan. Pensyarah juga boleh menggunakan kaedah lain yang bersesuaian jika perlu.
- 4.3.2 Tempoh masa dan kaedah penghantaran jawapan adalah seperti yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat (Rujuk Perkara 3.7).

- 4.3.3 Pensyarah kursus hendaklah menyimpan semua dokumen yang berkaitan setiap kali selesai sesi peperiksaan akhir secara dalam talian.

4.4 Pengisian Borang Perjalanan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian

- 4.4.1 Apabila selesai sesi peperiksaan akhir secara dalam talian, pensyarah kursus hendaklah mengisi Borang Perjalanan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian (Rujuk **LAMPIRAN 2**).
- 4.4.2 Pensyarah perlu memberikan laporan berkaitan perjalanan peperiksaan akhir secara dalam talian bagi kursus berkenaan serta cadangan penambahbaikan (jika ada).

4.5 Kecurangan Akademik

- 4.5.1 Kecurangan Akademik semasa peperiksaan akhir secara dalam talian boleh dielakkan sekiranya soalan peperiksaan akhir disediakan dalam bentuk Peperiksaan Buka Buku (*Open-Book Examination*) dengan menggunakan bentuk soalan yang menguji tahap kemahiran berfikir aras tinggi bagi menyelesaikan masalah yang kompleks.
- 4.5.2 Amalan tidak beretika oleh pelajar seperti meniru, menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai meniru atau menipu dan sebagainya semasa peperiksaan akhir secara dalam talian dijalankan adalah TIDAK DIBENARKAN (Rujuk Bahagian XIV dan XV, Buku Peraturan Peperiksaan Akhir).
- 4.5.3 Sekiranya pensyarah kursus mendapati terdapat mana-mana pelajar yang cuba meniru, menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai meniru atau menipu dan sebagainya semasa peperiksaan akhir secara dalam talian dijalankan, pensyarah kursus boleh membuat laporan kepada Pusat Peperiksaan dan Pengijazahan, Perkhidmatan Akademik berserta dengan bukti dan dokumen sokongan yang berkaitan.
- 4.5.4 Pensyarah digalakkan untuk menggunakan perisian *Turnitin* atau perisian lain yang sesuai bagi soalan berbentuk subjektif untuk mengurangkan aktiviti plagiat sewaktu peperiksaan akhir secara dalam talian. Penggunaan perisian ini dapat mengenal pasti peratusan persamaan (*similarity*) yang dilakukan oleh pelajar. Walau bagaimanapun, setiap pensyarah perlu menyatakan peratusan persamaan yang dibenarkan kepada pelajar.

5. FASA SELEPAS PEPERIKSAAN AKHIR

5.1 Sistem Pemarkahan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian

Sistem pemarkahan bagi peperiksaan akhir secara dalam talian adalah berdasarkan sistem gred yang telah ditetapkan (Rujuk Bahagian VII Buku Peraturan Akademik Program Asasi, Pra Diploma, Diploma dan Sarjana Muda Edisi 2025).

5.2 Pengisian Markah

5.2.1 Pengisian markah peperiksaan akhir secara dalam talian masih menggunakan sistem *IMS Academic* sama seperti proses kerja bagi peperiksaan akhir secara bersemuka.

5.2.2 Tempoh pengisian markah adalah berdasarkan tempoh yang ditetapkan oleh Pusat Peperiksaan dan Pengijazahan, Perkhidmatan Akademik.

5.3 Pengesahan Keputusan

Proses pengesahan keputusan peperiksaan akhir secara dalam talian adalah sama seperti proses pengesahan keputusan peperiksaan akhir secara bersemuka iaitu keputusan peperiksaan akhir perlu diperakukan di peringkat Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan Majlis Fakulti terlebih dahulu sebelum dibawa ke Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti untuk kelulusan.

5.4 Pengumuman Keputusan

Keputusan peperiksaan akhir akan diumumkan oleh Pusat Peperiksaan dan Pengijazahan, Perkhidmatan Akademik melalui *e-community* selepas mendapat kelulusan Majlis Peperiksaan Universiti (Rujuk Bahagian XI Buku Peraturan Peperiksaan Akhir).



BORANG AKUJANJI INTEGRITI PELAJAR

STUDENT'S INTEGRITY DECLARATION FORM

Borang ini merupakan dokumen akujanji integriti antara pelajar dan pensyarah kursus.
This is the Integrity Declaration Form between the student and the lecturer of the course.

Saya sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Peraturan Peperiksaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, sebagaimana yang dikehendaki oleh BAHAGIAN IX, saya faham bahawasanya:

I solemnly declare that I shall abide by the Examination Rules in UMPSA, as stated in the SECTION IX, in which I understand that:

Sila tandakan pada setiap kotak di bawah setelah anda memahami setiap pernyataan tersebut.

Please tick on the checkbox once you have understood the statement.

1.	Soalan peperiksaan akhir ini adalah sulit dan merupakan hak milik mutlak Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah. Saya sama sekali tidak boleh berkongsi soalan-soalan ini dengan sesiapa pun, atau memuat naik soalan-soalan ini di dalam mana-mana pelantar media sosial. <i>The final examination questions are confidential and solely belong to Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah. I will not share the questions or any part of it with anyone, nor upload the questions in any social media platform.</i>	☐
2.	Peperiksaan akhir ini adalah berbentuk Peperiksaan Buku Terbuka, yang bermaksud saya boleh menggunakan buku teks utama kursus sahaja. <i>This final examination is an open-book examination, which means that I can utilize main reference book only.</i>	☐
3.	Peperiksaan akhir ini hendaklah diduduki oleh saya berseorangan sahaja. Saya tidak dibenarkan untuk memohon pertolongan daripada individu lain seperti rakan-rakan, ahli keluarga dan sebagainya. <i>This examination shall be taken by me individually. I am prohibited to ask for help from anyone such as friends or family members.</i>	☐

4.	Saya dilarang menggunakan apa sahaja bentuk carian internet (<i>Google, Bing, Yahoo, dan lain-lain</i>) untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan yang diberikan. <i>I am not allowed to use any internet search engine (such as Google, Bing, Yahoo, etc.) to help me find answers to the given questions.</i>	
5.	Segala jawapan yang diberikan semasa menduduki peperiksaan akhir adalah hasil usaha saya sendiri tanpa mendapatkan atau menerima pertolongan daripada mana-mana pihak atau sumber lain yang tidak dibenarkan. <i>All the answers given during the examination are the result of my own efforts without seeking or receiving assistance from any unauthorised party or source.</i>	
6.	Saya faham sebarang komunikasi, perbincangan atau berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa peperiksaan adalah dilarang. <i>I understand that any communication, discussion or contact with any other student during the examination is prohibited.</i>	
7.	Saya faham menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu dalam peperiksaan adalah melanggar peraturan peperiksaan. <i>I understand that cheating or trying to cheat or behave in any way that could be interpreted as cheating in the exam is against the rules of the exam.</i>	

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kesalahan kerana telah melanggar Akujanji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Tatatertib Pelajar), (Pindaan 2024).

I wholly understand that if I were charged with breaching this Integrity Declaration, disciplinary action under the Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Tatatertib Pelajar), (Pindaan 2024) will be taken against me.

Nama Pelajar <i>Student's Name</i>	:	
No. Matrik <i>Matric No</i>	:	
Kod Kursus & Nama Kursus <i>Course Code & Course Name</i>	:	
Seksyen <i>Section</i>	:	
Tarikh <i>Date</i>	:	
Tandatangan Pelajar <i>Student's Signature</i>	:	



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PUSAT PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN
CENTRE FOR EXAMINATION AND CONFERMENT

BORANG PEPERIKSAAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN
FINAL EXAMINATION ONLINE FORM

ARAHAN:

INSTRUCTIONS

1. Borang ini hendaklah diisi dan dilengkapkan oleh pensyarah kursus.
This form must be filled and completed by the course lecturer.
2. Pensyarah kursus bertanggungjawab memastikan bilangan skrip jawapan sama dengan jumlah kehadiran pelajar.
Course lecturer is responsible to ensure that the total number of answer scripts tally with the total number of students attending.
3. Pensyarah kursus hendaklah mengesahkan jumlah skrip jawapan yang diterima selepas tamat waktu menjawab.
Course lecturer must verify the total number of answer scripts received after the examination has ended.
4. Borang ini hendaklah diserahkan kepada Urusetia Peperiksaan dalam tempoh minggu peperiksaan akhir.
This form must be submitted to Examination Secretariat within the final examination week.

Semester : Sesi Akademik / Academic Session :

Tarikh Peperiksaan / Date of Examination : Masa Peperiksaan / Examination Time :

Nama Pensyarah Kursus / Lecturer's Name :

Kod & Nama Kursus / Course Code & Name :

Jumlah Pelajar Hadir Peperiksaan / No. of Students sitting for the Examination :

Jumlah Skrip Jawapan / Total number of Answer Scripts :

Jumlah Pelajar Keseluruhan / Total number of Students :

Pembetulan (Sekiranya ada) / Correction (If any):

☐ Lampiran Tambahan ☐ Struktur Soalan ☐ Simbol/Ejaan ☐ Pembahagian Markah
☐ Additional Attachment ☐ Question Structure ☐ Symbol/Spelling ☐ Marks Distribution

Catatan / Remarks :

.....
.....

SENARAI NAMA PELAJAR YANG TIDAK HADIR SAHAJA
LIST OF ABSENT STUDENTS ONLY

No.	No. Matrik <i>Matric Number</i>	Nama Pelajar <i>Student's Name</i>	Catatan <i>Remark</i>

Saya dengan ini telah menyemak dan mengesahkan semua maklumat di atas adalah benar.
I have verified and confirmed that the details given above are true.

.....
Tandatangan & Cop Rasmi
Signature & Official Stamp

Tarikh :
Date